

Konvokesyen UPM Ke-37 selama tiga hari bermula Sabtu ini

# 7,149 graduan terima ijazah, diploma



MOHD. Fauzi Ramlan (lima dari kanan) bersama pelajar cemerlang selepas sidang akhbar sempena Majlis Konvokesyen UPM Ke-37 di Serdang, Selangor, semalam.

Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID  
penarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 23 Okt. - Sebanyak 7,149 graduan akan menerima ijazah dan diploma masing-masing merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah (Ph.D), sarjana, sarjana muda dan diploma dalam majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-37, selama tiga hari bermula Sabtu ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, majlis yang berlangsung di Dewan Besar, Pusat dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) itu akan diperkenan oleh Tuanku Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"Baginda turut mengurniakan ijazah Ph.D, sarjana, sarjana muda dan diploma kepada graduan pada hari pertama dan kedua konvokesyen tersebut," katanya ketika ditemui dalam sidang akhbar pengumuman majlis Konvokesyen UPM Ke-37 di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datin Dr. Aini Ideris dan Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Industri), Prof. Dr. V. Renuganth.

Tambah Mohd Fauzi, dalam majlis itu juga, UPM akan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Presiden Ins-

**Ekspo Pertanian & Pesta Konvokesyen UPM** 25 - 30 Oktober 2013  
*Pertanian Bandar dan Memupuk Kesejahteraan Rakyat*

titusi Teknologi Kyushu (Kyutech), Prof. Dr. Morio Matsunaga.

"Tuanku Canselor turut berkenan mengurniakan hadiah kepada enam pemenang anugerah-anugerah peringkat universiti, antaranya Hadiah Pingat Emas Canselor dan Pingat Emas Alumni kepada Muhammad Syawal Amran, graduan Ijazah Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling).

"Hadiah Anugerah Pelajaran Diraja kategori bumiputera pula dikurniakan kepada Siti Zubaidah Mohamed Isa, graduan Program Doktor Perubatan manakala bagi bukan bumiputera (Boey Tze Zhou, graduan Ijazah Sains Pertanian)," ujarnya.

Sementara itu, katanya, sebanyak 84 graduan daripada empat program sulung iaitu Program Sarjana Muda Sains Teknologi Alam Sekitar, Sarjana Teknologi Makanan, Sarjana Kesihatan Awam dan Sarjana Patologi turut menerima ijazah masing-masing.

"Konvokesyen kali ini turut

Sebilangan atlet tanah air yang mengharumkan nama negara menerima ijazah masing-masing

MOHD. FAUZI RAMLAN  
Naib Canselor UPM

memperlihatkan sebilangan atlet tanah air yang mengharumkan nama negara menerima ijazah masing-masing, antaranya olahragawan negara, S. Kannan; pemain hoki, Ahmad Kazamirul Nasruddin dan atlet renang berirama, Tan May Mei," katanya.

Dalam pada itu, beliau menjemput orang ramai menghadiri Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM dengan tema 'Pertanian Bandar dan Memupuk Kesejahteraan Rakyat' yang bermula Jumaat hingga 30 Oktober ini.

"Ekspo selama enam hari itu mengetengahkan pameran dan aktiviti berteraskan pertanian seperti jualan hasil pertanian produk hiliran dan lelongan kuda.

"Sesiapa yang berminat untuk membida harga kuda boleh mengisi borang bidaan yang sudah pun dibuka kepada orang ramai," ujarnya.